



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PENGUJIAN TEKNOLOGI TEBATAN BANJIR UNTUK MENGATASI JALAN TERPUTUS AKIBAT BANJIR

BESUT, TERENGGANU – Hari ini saya bersama – sama pasukan dari Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah turun padang melihat sendiri keberkesanan pemasangan dan pengujian satu produk teknologi tebatan banjir yang dipasang di Jalan Seberang Jerneh Sempadan Negeri Kelantan, Daerah Besut, Terengganu (FT189) dalam usaha persediaan menghadapi musim Monsun Timur Laut.

2. Produk Teknologi Tebatan Banjir yang dikenali sebagai *NoFloods* dari Denmark ini kini diperingkat *Proof of Concept* (POC) dan telah dipasang di sepanjang 200 meter di Seksyen 6.30, Jalan Persekutuan FT189, bagi meminimakan impak jalan terputus akibat banjir.

3. Produk yang menggunakan teknologi *Internet of Things* (IOT) ini telah dipasang bermula pada 1 Oktober 2024 sehingga 31 Mac 2025 bagi proses ujian dan percubaan selama enam bulan. Tempoh ujian ini adalah selaras dengan tempoh musim tengkujuh di negeri Terengganu.

4. Sehingga kini, teknologi *NoFloods* ini telah berjaya menghalang air daripada merentasi jalan yang boleh menyebabkan banjir berlaku dan memutuskan perhubungan jajaran jalan raya tersebut. Catatan ketinggian paras air yang direkod adalah setinggi 0.9 meter dari aras tanah dan alat ini mampu menampung sehingga 1.2 meter ketinggian aras air banjir.

5. Sehubungan dengan itu teknologi *NoFloods* ini dapat memberi perlindungan pada aset awam seperti jalan raya dan mengurangkan risiko jalan cepat rosak akibat banjir. Saban tahun Malaysia dilanda banjir dan teknologi ini salah satu inisiatif mitigasi KKR dalam mengurangkan impak banjir terhadap perhubungan, kerosakan jalan raya dan gerakan bantuan mangsa banjir.

6. Selain tinjauan pengujian POC teknologi tebatan banjir, saya turut meninjau lokasi-lokasi cadangan kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan di Daerah Dungun, Terengganu yang dicadangkan dilaksanakan pada tahun 2025. Tiga (3) lokasi yang menjadi keutamaan kerja penyenggaraan jalan tersebut ialah Jalan Kuala Terengganu – Kuantan (FT003) di Seksyen 463-465, Jalan Bukit Besi – Dungun (FT132) di Seksyen 8-10 dan Jalan Jerangau – Jabor (FT14) di Seksyen 117-118.

7. Untuk tahun 2025, KKR telah mengenal pasti dan memohon 228 bilangan kerja penyenggaraan berkala pavemen bernilai RM301.77 juta dan 197 bilangan kerja berkala bukan pavemen bernilai RM46.9 juta bagi Jalan Persekutuan di Negeri Terengganu.

8. KKR sentiasa komited dalam memastikan keterhubungan, aksesibiliti dan mobiliti rakyat melalui rangkaian jalan raya persekutuan yang berkualiti, selamat dan selesa. Fokus berterusan terhadap infrastruktur jalan raya dan projek berpaksikan rakyat ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan selari dengan aspirasi Program MYJalan dan nilai teras Malaysia Madani.

#TAMAT#

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
30 NOVEMBER 2024